

08 FEB 1999

G15-MODAL

G15 BERGERAK KE ARAH Mencari Penawar bagi Kewangan

Oleh: Kuah Guan Oo

MONTEGO BAY, Jamaica, 8 Feb (Bernama) -- Seorang pegawai daripada Kumpulan 15 (G15) berkata anggota-anggotanya telah melampaui menganalisis kesan kewangan yang menjahanamkan dan telah meneruskan untuk merumuskan penawar-penawar dan menyatukan pendiriannya.

Kini terdapat "kepentingan sebenar" di kalangan G-15 mengenai bagaimana untuk menangani persoalan kawal seliaan pengaliran modal jangka pendek, kata Duta Anthony Hill, wakil peribadi Perdana Menteri Jamaica P.J. Patterson ke sidang kemuncak G-15 di sini.

G-15 terdiri daripada Argentina, Brazil, Chile, Mexico, Peru, Venezuela, Jamaica, Algeria, Mesir, Kenya, Nigeria, Senegal, Zimbabwe, India, Indonesia dan Malaysia. Sri Lanka mengambil tempatnya sebagai anggota ke-17 di sidang kemuncak ini.

Ditanya sama ada perkumpulan itu boleh bercakap dengan satu suara mengenai isu itu, wakil peribadi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke mesyuarat itu, Encik Hamidon Ali, berkata anggota-anggota itu sedang mencuba mengurangkan perbezaan pandangan untuk mencapai satu pendirian bersama.

Aliran modal jangka pendek, katanya adaalh positif dan juga negatif dan adalah bagi mereka untuk mengkaji soalan ketelusan dan perimbangan di antara kedua-dua kesan itu.

Hill berkata proses G-15 telah membolehkan Dr Mahathir bercakap dan menyatakan pandangan dan analisisnya mengenai kesan buruk modal jangka pendek.

Pegawai Jamaica itu, yang mempengerusikan mesyuarat yang diamanahkan untuk merangka pernyataan bersama sidang kemuncak G-15 itu bermula Rabu, berkata, Dr Mahathir ialah yang mendaya utamakan perbincangan mengenai kesan-kesan aliran modal spekulatif jangka pendek yang merosakkan pada sidang kemuncak G-15 di Kuala Lumpur pada November 1997.

Hill berkata jika tidak kerana forum negara-negara membangun itu, pandangan dan analisis Dr Mahathir mengenai kesan buruk aliran modal jangka pendek itu akan tenggelam.

"Dan apa akan berlaku ialah bahawa penduduk di dunia sedang membangun akan tercengang-cengang memikirkan apakah negara dan pemimpin mereka lakukan terhadapnya," beliau memberitahu persidangan akhbar semasa rihat berikutan mesyuarat wakil-wakil peribadi para pemimpin di sini petang Ahad lalu.

Hill juga berkata Dr Mahathir, yang membuat kritikan paling pedasnya berfikir bahawa beliau agak keterlaluan ketika itu, kini telah membuat mereka menerima bahawa pengaliran modal jangka pendek bukanlah masalah unik bagi Thailand, Indonesia atau Malaysia.

Ia juga menjejaskan Russia, Brazil dan malahan negara-negara perindustrian, tambah beliau.

Hill teringat bahawa sidang kemuncak Kuala Lumpur ketika itu tidak dapat menerima rumusan Dr Mahathir, sehinggakan pandangan-pandangan perkumpulan itu terpaksa di bawah di dalam satu kenyataan khas tidak sebaliknya pernyataan bersama mereka.

Tetapi sehingga ketika perkumpulan 17 negara sedang membangun bermesyuarat di dalam satu sidang kemuncak khas di Kaherah pada Mei tahun lalu, soalan pengaliran modal jangka pendek spekulatif mendapat pengiktirafan beberapa perenggan di dalam pernyataan bersama, katanya.

Sementara itu, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri

Perdagangan Antgarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz tiba di bandaraya pelancongan barat laut malam Ahad lalu untuk sidang kemuncak itu.

Syed Hamid akan menyertai menteri-menteri luar lain di dalam mesyuarat mereka esok untuk menyelesaikan perincian bagi sidang tiga hari para pemimpin itu. -- BERNAMA

KGO SHY OS